BERNAMA



EKONOMI • 09/10/2026 03:08 PM

Orkim Selesai Terima Kapal Orkim Opal, Perluas Armada Kepada 20 Buah Kapal

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Orkim Bhd, melalui anak syarikat milik penuhnya, Orkim Ambition Sdn Bhd, menyelesaikan Protokol Penyerahan dan Penerimaan bagi kapal Orkim Opal, sekali gus menjadikan jumlah armada kumpulan itu kepada 20 buah kapal dan meningkatkan jumlah kapasiti muatannya sebanyak 5.5 peratus.

Dalam satu makluman kepada Bursa Malaysia hari ini, Orkim memaklumkan penambahan itu meningkatkan jumlah kapasiti muatan armadanya kepada 267,034 tan berat mati (DWT) daripada 253,036 DWT, di samping meningkatkan jumlah tan armada kapal dagang negara.

Orkim Opal, dahulunya dikenali sebagai MT Rong Yao Wu Zhou, ialah kapal tangki minyak dan bahan kimia Jenis II IMO yang dibina pada 2025 dengan kapasiti muatan 13,998 DWT.

"Orkim Opal dijangka memulakan operasi komersial pada Oktober 2026 dan menyumbang kepada hasil kumpulan itu sebaik sahaja memulakan operasi," tambahnya.

Ia merupakan kapal tangki Jenis II IMO yang ketiga milik kumpulan itu, selepas penyerahan kapal Orkim Citrine pada 2025 dan Orkim Garnet pada 2026.

Syarikat itu memaklumkan penambahan kapal berkenaan akan meningkatkan fleksibiliti operasinya bagi memenuhi pelbagai keperluan muatan merentasi pasaran serantau.

Orkim Opal berupaya mengangkut muatan bahan kimia, produk petroleum, minyak boleh dimakan dan bahan api alternatif termasuk bahan api bio, sekali gus menyediakan pilihan untuk kepelbagaian muatan pada masa hadapan, menurut syarikat itu.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Orkim Kapten Cheah Sin Bi berkata reka bentuk dan saiz Orkim Opal menawarkan fleksibiliti operasi yang luar biasa dalam memenuhi permintaan perkapalan serantau dan domestik.

Ia berkata, ini sekali gus membuka peluang yang besar kepada kumpulan itu memandangkan potensi pendapatan jangka pendek dan nilai aset jangka panjang adalah selari dengan baik.

"Pembelian kapal ini adalah bukti komitmen kami terhadap perkapalan mampan dan usaha mengurangkan jejak alam sekitar, di samping menyokong daya saing jangka panjang kami," kata beliau.

-- BERNAMA